

09 SEP 2002

Penuntut/I

PENUNTUT MALAYSIA DI QUEENSLAND RAYAKAN HARI KEBANGSAAN

BRISBANE, 9 Sept (Bernama) -- Penuntut Malaysia di Queensland merayakan Hari Kebangsaan Malaysia dengan mengadakan majlis Malam Merdeka 2002 di Greek Club di sini pada Jumaat lepas.

Majlis yang dianjurkan oleh Majlis Penuntut Malaysia di Australia, cawangan Queensland (MASCA Queensland) itu telah membantu dalam menghimpunkan penuntut Malaysia dari pelbagai universiti.

MASCA telah ditubuhkan di bawah sistem payung untuk menyatukan pelajar Malaysia di Australia, kata Andrea Jasmine Entoney, pengerusi MASCA Queensland.

Badan induknya, MASCA nasional, berpusat di Sydney, di bawah Jabatan Penuntut Malaysia. Ia merupakan satu-satunya badan penuntut yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Acara malam itu bermula dengan doa selamat mengikut amalan empat agama utama negara -- Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.

Tetamu utama majlis itu, Muzni Borhan, Penasihat Penuntut di Jabatan Penuntut Malaysia, telah membacakan perutusan Hari Kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lebih 60 penuntut telah mengambil bahagian dalam pelbagai acara persembahan yang diadakan, dimulai dengan Dikir Barat bagi mengalu-alukan kedatangan tetamu, diikuti oleh pertunjukan media oleh Pengarah IT MASCA Queensland Vinesh Latchmanan bagi memperkenalkan tema Merdeka.

Berikutnya ialah deklamasi sajak "Erti Kemerdekaan," kemudian tarian India dan nyanyian lagu Cina dan Melayu yang membayangkan kepelbagaian budaya Malaysia pada majlis itu.

Pertunjukan fesyen pakaian etnik dan tarian singa juga diadakan.

Turut diadakan ialah cabutan bertuah yang menawarkan beberapa hadiah menarik. Hadiah pertama berupa tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi ke Malaysia, yang ditaja oleh Penerbangan Malaysia (MAS).

Kira-kira 350 tetamu menghadiri majlis itu termasuk penduduk tempatan.

-- BERNAMA

NDC AHH NMO